

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
TUNTUTAN NO. TPPM-M-(P)-270-2024**

ANTARA

ZAMRA BINTI MOHD YUSOF

..PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

MOHD FAZID BIN HASAN

..PENENTANG

SEBAB KEPUTUSAN

1. Ini adalah sebab keputusan Tribunal bagi award yang diberikan di dalam prosiding di sini yang dibuat menurut seksyen 112 dan/atau seksyen 114 Akta Perlindungan Pengguna 1999.
2. Menurut seksyen 116 Akta Perlindungan Pengguna 1999, award yang dibuat oleh Tribunal yang diberikan di dalam prosiding di sini adalah muktamad dan mengikat kesemua pihak kepada prosiding di sini.
3. Dalam kes ini, Pihak Yang Menuntut (“PYM”) telah menuntut daripada Pihak Penentang (“P”) wang sejumlah RM50,000.00 kerana PYM tidak berpuas hati apabila PYM telah mengupah khidmat P membuat renovasi “Pembinaan Penambahan Rumah Dengan Kos Keseluruhan Berjumlah RM105,0000.00” – **rujuk Inovis di Lampiran 2 Borang 2.**
4. Kerja-kkerja renovasi tersebut melibatkan kerja-kkerja : -
 - (i) membuat kabinet;
 - (ii) garaj kereta;

- (iii) 2 buah bilik;
 - (iv) 2 buah bilik air;
 - (v) ruangan dapur;
 - (vi) bumbung stor.
5. Harga kontrak kerja yang dipersetujui adalah RM105,000.00.
 6. PYM tidak berpuas hati kerana bumbung bocor, retak, liking (ejaan sebenar “leaking”), risiko pada siling, risiko pada wiring, dapur bilik retak merebak sampai ke bilik air dan plaster siling rosak – **rujuk Borang 1**.
 7. PYM telah melampirkan gambar-gambar kerosakan bersama-sama dengan Borang 1.
 8. Pada perbincangan pertama pada 25/11/2024, PYM telah memberi keterangan bahawa PYM telah membuat 6 kali pembayaran kesemuanya berjumlah RM72,000.00.
 9. Pembayaran RM72,000.00 ini telah diakui oleh P.
 10. PYM seterusnya mendakwa bahawa kerja-kerja di perenggan 4 (i)-(vi) di atas tidak pernah disiapkan walaupun kesemua kerja kontrak berjumlah RM105,000.00 sudah habis dibayar.
 11. Namun begitu, apabila minta dibuktikan, PYM gagal memberikan bukti-bukti pembayaran keseluruhan harga RM105,000.00 tersebut.

12. Apabila ditanya oleh Mahkamah juga, apakah status kerja-kerja renovasi berjumlah RM105,000.00, PYM menjawab seperti berikut: -

- (i) membuat kabinet – siap;
- (ii) garaj kereta – siap;
- (iii) 2 buah bilik – siap;
- (iv) 2 buah bilik air – siap;
- (v) ruangan dapur – siap;
- (vi) bumbung stor – siap.

13. Mahkamah merekodkan bahawa isu yang dibangkitkan oleh PYM hanyalah masalah bocor dan retak di atas bumbung, porch, dapur, 2 bilik, bilik air, banjir seperti di dalam gambar yang dilampirkan dalam Borang 1 sahaja.

14. Selepas pendengaran perbicaraan pertama pada 25/11/2024, Mahkamah telah menangguhkan kes dan meminta PYM mengemukakan bukti-bukti tambahan seperti berikut: -

- (a) Invois dan payment oleh kontraktor baru yang diupah untuk membaiki kebocoran dan keretakan yang dikatakan;

dan

- (b) Nilai kerja yang dibuat oleh kontraktor baru tersebut.

15. Apabila kes didengar semula pada 15/01/2025, PYM telah mengemukakan 4 lampiran baru sebagai bukti tambahan ke atas tuntutan PYM.
16. PYM mengemukakan Lampiran 1 iaitu sebut harga dan Invois membaiki kerosakan yang dibuat oleh kontraktor baru berjumlah RM44,400.00.
17. Walaupun telah diminta oleh Mahkamah bukti resit pembayaran bagi kerja kontraktor baru ini, yang menurut keterangan PYM sendiri kerja telah disiapkan pada 26/9/2024 (iaitu sebelum tarikh bicara pertama lagi iaitu pada 25/11/2024 seperti tersebut di atas), PYM telah gagal mengemukakan bukti pembayaran kepada kontraktor baru tersebut.
18. Oleh itu, timbul keraguan tentang jumlah sebenar nilai dan harga kerja yang telah dibuat oleh kontraktor baru tersebut. Memang tidak dinafikan ada kebocoran dan keretakan hasil kerja P disini, namun mungkinkah harga pembaikan sudah dinaiktinggikan (“inflated”) oleh PYM?
19. Oleh itu, Mahkamah mengambil sikap berhati-hati dengan tidak mengambil nilai penuh harga RM44,400.00 tersebut di atas dan tidak pula menolak sepenuhnya harga RM44,400.00 tersebut tetapi menilai secara anggaran sahaja harga yang munasabah berdasarkan dokumen dan keterangan dan penjelasan lisan kedua-dua pihak seperti berikut: -

NO	KERJA PEMBAIKIAN	SEBUTHARGA	HARGA DIBENARKAN
A	Kerja-kerja pembaikan slab dan siling kapur	RM25,500.00	RM22,000.00
B	Kerja-kerja pendawaian semula	RM16,200.00	RM12,000.00
C	Kerja-kerja mengecat semula	RM 1,900.00	RM 600.00
D	Kerja-kerja pembersihan dan pembuangan sisa	RM 800.00	RM 500.00
	JUMLAH	RM44,400.00	RM35,500.00

20. PYM juga mengemukakan Invois pemasangan kabinet dapur yang dikatakan telah dibayar kepada supplier, Home Net Furniture Design Sdn Bhd berjumlah RM28,777.00.
21. Pada tarikh bicara yang lepas, PYM telah memberikan keterangan bahawa P sudah pun menyiapkan cabinet dapur dan tidak pernah membangkitkan isu tuntutan kabinet ini.
22. Malah, walaupun PYM mendakwa Invois tersebut sudah dibayar, tiada bukti pembayaran dapat dikemukakan oleh PYM apabila diminta oleh Mahkamah.
23. Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan pemasangan kabinet ini adalah tidak berasas dan merupakan suatu tuntutan pemikiran semula (“afterthought”) yang mana oleh itu ditolak oleh Mahkamah di sini.
24. PYM juga telah mengemukakan Lampiran 2 iaitu bukti-bukti whatsapp dan gambar-gambar yang menunjukkan kebocoran yang tidak dinafikan di sini oleh P.

25. PYM selanjutnya mengemukakan Lampiran 3 iaitu Resit Bayaran yang membuktikan pembayaran RM72,000.00 dan juga menunjukkan pengakuan P menerima wang tunai berjumlah RM18,000.00 menjadikan jumlah pembayaran daripada PYM kepada P kesemuanya adalah RM90,000.00. Fakta ini diakui oleh kedua-dua PYM dan P.
26. PYM seterusnya melampirkan whatsapp P yang mendakwa tiada penambahan kos bagi kerja-kerja tambahan, akan tetapi fakta ini telah dinafikan oleh P.
27. P mengatakan whatsapp ini merujuk kepada suatu kerja lain yang dibuat di antara PYM dan perkerja P tanpa pengetahuan P dan apabila diketahui oleh P, P tidak mengenakan apa-apa bayaran ke atasnya.
28. P mengatakan dan membuktikan bahawa bukti kerja-kerja tersebut ada di Lampiran 3 Borang 2 yang diakui sendiri oleh PYM kesemuanya berjumlah RM20,000.00
29. Mahkamah telah membaca dan meneliti whatsapp di Lampiran 3 Borang 2 tersebut dan membuat dapatan fakta bahawa memang ada kerja-kerja tersebut berjumlah RM20,000.00 yang masih belum dibayar oleh PYM kepada P.
30. Akhir sekali, PYM merujuk kepada Laporan Polis di Lampiran 4 di mana PYM menyatakan baki harga kontrak berjumlah RM15,000.00 yang belum dibayar sebenarnya sudah dibayar dengan kontra harga kereta Proton Saga milik PYM yang diberikan kepada P.

31. Apabila ditanya oleh Mahkamah, PYM mengatakan bahawa akibat perbalahan di sini, PYM telah mengambil balik kereta tersebut daripada P.
32. Oleh itu, Mahkamah membuat dapatan fakta sekali lagi di sini bahawa baki harga kontrak berjumlah RM15,000.00 tersebut masih belum dibayar oleh PYM kepada P setakat hari ini kerana pembayaran dengan harga kontra tersebut tidak boleh diambil kira memandangkan PYM telah mengambil balik kereta Proton Saga tersebut daripada P.
33. Oleh itu, P juga menuntut balas daripada PYM wang sejumlah: -
 - (a) RM20,000.00 untuk kerja-kerja tambahan; dan
 - (b) RM15,000.00 untuk baki harga kontrak.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

34. Mahkamah setelah mendengar kedua-dua pihak dan meneliti kesemua bukti dan keterangan tersebut di atas, Mahkamah berpuashati di atas imbalan kebarangkalian bahawa: -
 - (A) PYM telah berjaya membuktikan tuntutan setakat jumlah RM35,000.00 sahaja;
 - (B) P juga telah berjaya membuktikan tuntutan balas setakat jumlah RM35,000.00 sahaja.
35. Oleh itu, Mahkamah merekodkan Awad Borang 10 di mana tuntutan PYM dibenarkan setakat jumlah RM35,000.00 sahaja dan tuntutan balas P dibenarkan untuk jumlah RM35,000.00 sahaja.

Bertarikh pada 15 January 2025.



.....
TABIAN BIN TAHIR
Presiden
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia
Melaka

TTPM